

NS2026

GB 09-03 00168 BH169

AH

Mahathir - FEER

(P)

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata, tindakan mahkamah terhadap penerbit majalah Far Eastern Economic Review (FEER) berhubung isu Limbang semata-mata untuk mencari kebenaran.

+Kita bukan hendak mencari duit tetapi kebenaran,+ katanya ketika pengulas hasrat pengarang dan penerbit FEER hendak meminta maaf kepada Perdana Menteri berhubung dengan isu berkenaan.

Ketika bercakap kepada persidangan akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini, beliau berkata, apa yang penting ialah laporan majalah itu tidak berasas dan ia sendiri mengakuinya.

+Matlamat kita sudah tercapai,+ katanya.

Perdana Menteri telah menyaman FEER dan bekas pengarangnya, Derek Davies bersabit laporan yang mendakwa kononnya Malaysia bercadang menjual Limbang di Sarawak kepada Brunei Darussalam, kira-kira empat tahun lepas.

Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman memberitahu Mahkamah Tinggi malam bahu bahwa kes itu telah diselesaikan di luar mahkamah dan Datuk Seri Mahathir bersikap bermurah hati dengan tidak meminta ganti rugi. -- Bernama.

09/03/15-59MST